

# U CAP JEMPOL TROPIKS MEDICATED OIL

Methyl Salicylate/ Turpentine oil/ Camphor/ Peppermint Oil / Clove Oil/ Oleoresin Capsicum  
(50% w/v / 12.5% w/v / 5.0% w/v / 3.125% w/v / 2.5% w/v / 3% w/v)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan U Cap Jempol Tropiks Minyak Angin
2. Bagaimana U Cap Jempol Tropiks Minyak Angin berfungsi
3. Sebelum menggunakan U Cap Jempol Tropiks Minyak Angin
4. Cara menggunakan U Cap Jempol Tropiks Minyak Angin
5. Semasa menggunakan U Cap Jempol Tropiks Minyak Angin
6. Kesan-kesan Sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan U Cap Jempol Tropiks Minyak Angin
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan U Cap Jempol Tropiks Minyak Angin

U Cap Jempol Tropiks Minyak Angin digunakan untuk melegakan gejala sakit otot dan sendi, sakit belakang dan tergeliat.

## Bagaimana U Cap Jempol Tropiks Minyak Angin berfungsi

U Cap Jempol Tropiks Minyak Angin adalah ubat sapu yang melegakan rasa sakit. Apabila diurut dengan lembut pada kulit, ia menghasilkan rasa sejuk dan diikuti dengan rasa panas untuk melegakan kesakitan.

## Sebelum menggunakan U Cap Jempol Tropiks Minyak Angin

### -Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan gunakan jika anda mempunyai hipersensitiviti terhadap methyl salicylate atau bahan-bahan kandungan lain.
- Jangan sapu pada luka atau kulit yang meradang.
- Jangan gunakan pada bayi berumur bawah 2 tahun.

### -Sebelum mula menggunakan

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang masalah kesihatan, terutamanya jika anda mengalami mana-mana daripada yang

berikut:

- jika anda mengandung, merancang untuk mengandung, atau menyusukan bayi
- jika anda mempunyai alahan kepada ubat-ubatan, makanan, atau bahan-bahan lain
- jika anda mempunyai reaksi alahan kepada aspirin atau lain-lain salicylate

### -Jika menggunakan ubat-ubat lain

Jika anda mengambil warfarin, penggunaan yang berlebihan boleh meningkatkan peluang pendarahan. Tanya pegawai perubatan kesihatan anda sama ada U Cap Jempol Tropiks Minyak Angin boleh berinteraksi dengan ubat-ubatan lain yang anda ambil. Semak dengan doktor anda sebelum anda mulakan, hentikan atau menukar dos ubat-ubatan.

## Cara menggunakan U Cap Jempol Tropiks Minyak Angin

### -Berapa banyak harus digunakan

Urutkan sedikit minyak ke atas bahagian badan yang sakit.

### -Bila perlu digunakan

Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Sapu 3-4 kali sehari atau bila perlu.

### -Jika terlupa menggunakan

Jika anda lupa menggunakannya, sapukan sebaik sahaja anda ingat.

Teruskan penggunaan mengikut arahan doktor anda atau pada label.

### -Jika berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat. Sekiranya anda atau sesiapa sahaja yang mungkin menyapu ubat ini secara berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Gejala-gejala termasuk pening kepala, bunyi berdesing di telinga, pekak, berpeluh, mual, muntah, sakit kepala, dan kekeliruan mungkin berlaku dan boleh dikawal dengan mengurangkan dos.

## Semasa menggunakan U Cap Jempol Tropiks Minyak Angin

### -Perkara yang perlu dilakukan

- Untuk kegunaan luaran pada kulit sahaja dan tidak boleh digunakan pada luka.
- Jika reaksi sensitiviti kulit berlaku, sila hentikan penggunaan.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan gosok dengan kuat.
- Jangan guna pada muka dan elakkan terkena mata dan membran mukus
- Jangan gunakan dengan pembalut oklusif (kedap udara) atau pad pemanasan.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

- Basuh tangan sejeurus selepas penggunaan.
- Tanya doktor atau ahli farmasi anda apa-apa soalan yang anda mungkin ada tentang bagaimana untuk menggunakan U Cap Jempol Tropiks Minyak Angin.
- Produk ini mengandungi camphor yang boleh menyebabkan kekejangan. Langkah berhati-hati perlu diambil apabila kanak-kanak dirawat. Elakkan sapuan terus pada lubang hidung. Sedikit sapuan dengan cara ini boleh mengakibatkan seseorang pengsan.

## Kesan-kesan Sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, U Cap Jempol Tropiks Minyak Angin boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya. Beberapa kesan sampingan yang mungkin berlaku ialah iritasi kulit, kemerahan atau bengkak, rasa pedih atau menyengat pada sesetengah individu. Kesan sampingan yang lain seperti pening dan mual jarang berlaku. Berunding dengan doktor atau ahli farmasi untuk mendapatkan maklumat lanjut jika terdapat kesan sampingan yang menyebabkan anda risau.

# U CAP JEMPOL TROPIKS MEDICATED OIL

Methyl Salicylate/ Turpentine oil/ Camphor/ Peppermint Oil / Clove Oil/ Oleoresin Capsicum  
(50% w/v / 12.5% w/v / 5.0% w/v / 3.125% w/v / 2.5% w/v / 3% w/v)

---

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adverse Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [ *Consumers* → *Side Effects to Medicines (ConSERF)* or *Vaccines (AEFI)* ]

## Cara penyimpanan dan pelupusan U Cap Jempol Tropiks Minyak Angin

### -Penyimpanan

Jauhi daripada kanak-kanak.  
Simpan di tempat yang kering pada suhu bawah 30°C.

### -Pelupusan

Jangan gunakan ubat itu apabila telah lepas tarikh luputnya seperti yang tertera pada pek. Pulangkan apa-apa ubat yang tidak digunakan untuk ahli farmasi melupuskannya. Jangan buang di saluran perumahan. Ini dapat membantu untuk melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### -Rupa dan warna produk

U Cap Jempol Minyak Angin adalah minyak perang jernih dan mempunyai bau aroma yang kuat.

### -Bahan-bahan kandungan

-Bahan-bahan yang aktif

Methyl Salicylate	50.0% w/v
Turpentine Oil	12.5% w/v
Camphor	5.0% w/v
Peppermint Oil	3.125% w/v
Clove Oil	2.5% w/v
Oleoresin Capsicum	1.875 w/v

(bersamaan 3% capsaicin)

- Bahan-bahan yang tidak aktif

Isopropyl Alcohol  
Chemosol Yellow E  
Oil Soluble Green CS  
Chemosol Red 2B

### -Nombor MAL

MAL08111897X

### **Pengilang**

U TROPIKA SDN BHD  
101-11-13, Menara Perdana Industrial Complex, Jalan Gurdwara, 10300, Pulau Pinang.

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

U CAP JEMPOL TROPIKS SDN BHD  
101-11-13, Menara Perdana Industrial Complex, Jalan Gurdwara, 10300, Pulau Pinang.

### **Tarikh kemaskini RiMUP**

11/03/2022

### **Nombor Siri**

NPRA(R4/1)121021/00075